

22/04/1999

PM bentang kajian separuh penggal

KUALA LUMPUR, Rabu - Kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) 1996-2000 yang akan dibentangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Parlimen esok, akan memberi penekanan ke arah mempercepatkan proses pemulihan ekonomi negara.

Perdana Menteri dijadual membentangkan laporan setebal 413 muka surat itu kira-kira jam 11 pagi selepas sesi soal jawab di Dewan Rakyat.

Kajian itu yang bertujuan mengukuhkan asas ekonomi negara bagi mengharungi cabaran kegawatan ekonomi, dijangka menyalurkan peruntukan tambahan untuk pelbagai strategi merangsang ekonomi negara.

Ini bertujuan memastikan pertumbuhan ekonomi mapan ke arah mencapai wawasan negara maju menjelang 2020.

Kajian yang disediakan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), dikeluarkan dalam dua versi, bahasa Melayu setebal 413 halaman dan bahasa Inggeris 392 muka surat.

Sesi taklimat khas media massa mengenai laporan kajian itu diadakan di EPU, hari ini.

Sementara itu, Dr Mahathir juga dijangka menggariskan usaha untuk memantapkan kedudukan ekonomi negara selaras beberapa sasaran dalam laporan kajian itu berikutan kesan krisis ekonomi serantau bermula Julai 1997.

Pelancaran RM-7 pada 1996 memulakan fasa baru pembangunan negara dengan matlamat untuk mengubah dan memperbaharui struktur ekonomi daripada yang didorong oleh input kepada berteraskan produktiviti dan kualiti.

RM-7 yang menyediakan peruntukan RM162.5 bilion, dirangka sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara sekali gus meningkatkan pendapatan per kapita rakyat kepada RM14,788 menjelang tahun 2000.

Pendapatan per kapita rakyat ketika RM-7 dilancarkan ialah RM9,786 walaupun matlamat Rancangan Malaysia Keenam (RM-6) yang berakhir 1995 ialah RM9,947.

Rancangan lima tahun (1996-2000) yang menjurus kepada usaha mempertingkatkan mutu kehidupan rakyat menerusi taraf kesihatan, pendidikan dan perumahan lebih baik, berusaha mengekalkan pertumbuhan negara pada kadar lapan peratus.

RM-7 juga menekankan lima dimensi baru membabitkan pertumbuhan berasaskan produktiviti, peningkatan daya saing, pembangunan sumber manusia, memperkukuhkan bidang sains dan teknologi, penyelidikan dan pembangunan (R & D), teknologi maklumat dan mewujudkan sektor pertumbuhan baru.

(END)